**From:** Jabatan Komunikasi Korporat
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students
**Subject:** WARGA IBS MENJADI TUNGGAK KEPADA KELANGSUNGAN ZAWED 2026
**Date:** Monday, 21 September, 2026 3:21:12 PM
**Attachments:** image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

21 SEPTEMBER 2026 / 9 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita oleh: Dr. Muhamad Abrar Bahaman & Dr. Nor Syahidah Ishak
Gambar oleh: IPIZ, UUM

**WARGA IBS MENJADI TUNGGAK KEPADA KELANGSUNGAN ZAWED 2026**



**UUM ONLINE:** Putrajaya, 15 September 2026 – Warga Pusat Pengajian Perniagaan Islam (Islamic Business School, IBS), Universiti Utara Malaysia terus memperlihatkan komitmen yang tinggi dalam menyokong agenda penyelidikan dan pembangunan kewangan sosial Islam menerusi penglibatan aktif dalam The Fourth International Conference on Zakat, Tax, Waqf & Economic Development (ZAWED) 2026.

Persidangan anjuran Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ), Universiti Utara Malaysia yang berlangsung pada 14 hingga 15 September 2026 di The Everly Putrajaya itu membawa tema “Innovating Islamic Social Finance: Digital Transformation of Zakat, Waqf and Sadaqah for Global Ummah Well-Being.” ZAWED 2026 menjadi platform pertemuan ahli akademik, penyelidik, pengamal industri serta institusi berkaitan zakat dan wakaf dalam membincangkan perkembangan serta inovasi kewangan sosial Islam.

Penglibatan IBS dalam ZAWED 2026 amat signifikan apabila seramai 18 orang pensyarah IBS tampil sebagai pembentang, manakala lima orang pelajar PhD IBS turut membentangkan hasil penyelidikan masing-masing.

Selain pembentangan akademik, hampir separuh daripada Ahli Jawatankuasa seminar juga terdiri daripada staf IBS yang memainkan pelbagai peranan dalam memastikan kelancaran penganjuran persidangan.




Antara warga IBS yang terlibat ialah Prof. Dr. Azizi Abu Bakar, Tuan Haji Ali Badron Mohktar, PM Dr. Nashirah Abu Bakar, PM Dr. Nor Azizah dan Tuan Haji Mohd Saharudin Shakrani, selain ramai lagi. Warga IBS turut diberi tanggungjawab sebagai moderator sesi selari, antaranya Dr. Amirul Faiz Osman, Dr. Mohamad Yazid Isa dan Dr. Nor Syahidah Ishak.

Penglibatan yang besar ini selari dengan bidang kepakaran warga IBS yang mempunyai hubungan rapat dengan fokus penyelidikan IPIZ, khususnya zakat, wakaf, kewangan sosial Islam, kewangan dan perbankan Islam, pembangunan asnaf, Maqasid al Shariah serta keusahawanan.




Kekuatan tersebut dapat dilihat melalui pelbagai kertas kerja yang dibentangkan. Antaranya, Dr. Muhamad Abrar mengetengahkan perancangan kewangan Islam dan adaptasi digital dalam memperkukuh kelangsungan perniagaan usahawan asnaf I-Tekad.

Manakala Dr. Nor Syahidah membentangkan kajian mengenai impak Program I-Tekad terhadap keupayaan dan prestasi perniagaan usahawan asnaf. Dr. Amirul Haqeem pula mengetengahkan pembangunan modal insan asnaf melalui pendekatan SMAR-T, sementara Dr. Amirul Faiz membentangkan Model Simpanan Mikro Digital myAGRO. Dr. Mohamad Yazid turut membentangkan rangka kerja berkaitan taksiran zakat perniagaan di Malaysia.

Hubungan antara IBS dan IPIZ juga bukan sesuatu yang baharu. Penubuhan IPIZ pada peringkat awal turut digerakkan melalui inisiatif dan kekuatan kepakaran yang berkembang daripada IBS.




Justeru, warga IBS sentiasa memberikan sokongan kepada perkembangan dan kecemerlangan IPIZ selaras dengan hasrat asal penubuhannya untuk memperkukuh penyelidikan, inovasi dan pemindahan ilmu khususnya dalam bidang zakat dan kewangan sosial Islam.

Kejayaan ZAWED 2026 sekali lagi memperlihatkan bahawa sinergi IBS dan IPIZ merupakan kekuatan penting dalam memperluas agenda kewangan sosial Islam UUM. Dengan kepakaran yang saling melengkapi, kerjasama ini berpotensi terus diperkukuh melalui penyelidikan bersama, penerbitan, konsultansi, pembangunan inovasi serta program yang memberi manfaat kepada institusi dan masyarakat.

Penglibatan besar warga IBS dalam ZAWED 2026 bukan sahaja membantu menjayakan persidangan tersebut, malah mencerminkan komitmen IBS untuk terus menjadi rakan strategik dan tonggak kepada kecemerlangan IPIZ dalam mengangkat agenda zakat, wakaf dan kewangan sosial Islam ke peringkat nasional dan antarabangsa.

ZMS/JKK/2026

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.